

**PERUTUSAN KHAS
HARI RAYA AIDILFITRI 1445H/2024M
OLEH
TUAN YANG TERUTAMA YANG DI-PERTUA NEGERI SABAH**

“PERPADUAN DAN IDENTITI BANGSA”

**Assalamu’alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,
Alhamdulillahi Rabbil ‘Alamiin, Wabihie Nasta’iinu ‘Alaa
Umuuriddunya Waddin, Was Solaatu Wassalaamu ‘Ala
Asyrafil Mursaliin, Sayyidina Muhamadin Wa’ala Aalihi
Wasohbihi Ajma’iin.**

Allahu Akbar, Allahu Akbar, Allahu Akbar, Walilla Hilhamd.

PENDAHULUAN

1. Alhamdulillah, segala puji bagi Allah SWT di saat yang penuh keberkatan dan berbahagia ini, tidak ada perkataan yang selayaknya untuk dilafazkan selain kalimah “Syukur Alhamdulillah” dan “Taqabba Lallahu Minna Wa Minkum”.

2. Hari ini umat Islam merayakan kejayaan setelah dapat menyempurnakan ibadah berpuasa di bulan Ramadan. Selesai berbuka puasa dan solat fardu Maghrib secara berjemaah, maka kedengaranlah alunan Takbir, Tahmid dan Tahlil melalui corong-corong media elektronik, alat pembesar suara masjid dan surau.
3. Suasana hening terasa, air mata kegembiraan turut mengalir, manakala rumah terhias indah serta juadah istimewa turut disajikan buat santapan sanak saudara yang baharu pulang dari perantauan. Perlakuan saling bermaafan, tradisi ziarah menziarahi dan menyantuni sahabat mahupun keluarga yang kurang bernasib baik sangat wajar serta memenuhi tuntutan agama.
4. Justeru, momen indah Aidilfitri ini sewajarnya menyinari cahaya murni umat Islam dalam meraikan perbezaan budaya dengan membuka pintu rumah menyambut kunjungan rakan serta jiran tetangga yang berlainan agama. Ini bertepatan dengan maksud “Islam” iaitu suatu agama ciptaan Allah SWT yang

lengkap lagi sempurna, meliputi segala peraturan, undang-undang yang menganjurkan kesejahteraan, keamanan, keharmonian dalam penyusunan kehidupan manusia baik secara “fardi” (perseorangan), kekeluargaan, kemasyarakatan dan kenegaraan.

MENGERATKAN PERPADUAN

5. Kehadiran Hari Raya Aidilfitri memberikan kita ruang untuk menghubungkan semula silaturrahim serta mengeratkan lagi perpaduan yang merupakan faktor kekuatan negara kita. Pembangunan sesebuah negara tidak akan bermakna, andai sikap persefahaman, keharmonian, bertolak ansur dalam kehidupan masyarakat berbilang kaum diketepikan. Sikap cakna terhadap perpaduan perlu terus dipupuk dan dipelihara agar semua perancangan untuk pembangunan dan pelaksanaan dasar terhadap keseimbangan sosial dapat dilaksanakan dengan jayanya.

6. Rakyat negeri Sabah khususnya, perlu berusaha mencipta lebih banyak ruang perpaduan serta menamatkan ruang perpecahan seperti sikap ketaksuban yang melampau, baik dari sudut agama maupun suku kaum. Alangkah ruginya bila mana puluhan dekad yang telah kita lalui hidup bersama dalam keadaan aman, namun dalam sekelip mata ianya punah dan musnah disebabkan oleh perilaku dan kata-kata berbaur provokasi yang boleh mencetuskan ketegangan rakyat.

MENEKANKAN TOLERANSI

7. Sedarlah bahawa negeri ini harus kita pertahankan serta selamat daripada perilaku keganasan, ketaksuban dan perbuatan meniupkan api kebencian terhadap sesuatu kaum maupun agama. Di dalam surah al-Hujurat ayat 10-13, Allah SWT menekankan perlunya bersifat toleransi sesama umat Islam dan sentiasa berusaha mewujudkan perdamaian. Ayat tersebut juga turut menjelaskan bahawa perbezaan suku dan bangsa yang diciptakan Allah SWT bermatlamatkan untuk kita saling mengenal bukannya menimbulkan pertikaian.

Allahu Akbar, Allahu Akbar, Allahu Akbar, Walilla Hilhamd.

8. Selain mensyukuri nikmat keamanan dan permuafakatan hidup bermasyarakat, kita juga perlu beringat dan sentiasa bersiap sedia dengan sebarang kemungkinan yang berlaku terhadap negeri mahupun negara kita. Dalam ketidaktentuan ekonomi dunia pada masa ini, adalah penting untuk kita ketahui tujuan utama sambutan hari raya itu sendiri. Kenyataan ini mungkin agak klise bagi mereka yang berkemampuan dan kurang terkesan dengannya.

MENGELAKKAN PEMBAZIRAN

9. Andai dapat kita imbas kembali matlamat melaksanakan ibadah berpuasa di bulan Ramadan, maka sudah tentu kita juga dapat mengimplementasikan segala tuntutan agama agar memilih sikap bersederhana dalam apa juu keadaan. Elakkan pembaziran berlaku, berbelanjalah mengikut kemampuan kewangan kita. Jangan cuba untuk meniru cara hidup orang lain, sebaliknya

ukurlah baju di badan sendiri. Jadilah sebagai rakyat atau pengguna bijak dan lebih berhati-hati terhadap wang yang dibelanjakan. Dalam sebuah hadis, Rasulullah SAW sangat menitikberatkan soal pembaziran yang bermaksud: “*Adalah Baginda Rasulullah SAW melarang kamu dari melakukan tiga perkara iaitu mengada-adakan cerita, banyak bertanya dan membazirkan harta*” (**Hadis Riwayat al-Bukhari**).

AMALAN BERSEDEKAH

10. Pada Syawal yang mulia ini juga, umat Islam turut digalakkan untuk bersedekah. Melalui amalan bersedekah dengan menyantuni golongan fakir dan miskin seperti menyampaikan sumbangan sama ada dalam bentuk kewangan mahupun barang keperluan harian. Amalan sedemikian dapat membentuk jiwa murni masyarakat dengan semangat kemurahan hati, empati dan rasa tanggungjawab atau prihatin terhadap golongan yang memerlukan. Justeru sambutan hari raya lebih bermakna dengan menjadikan Aidilfitri sebagai platform memperkuuhkan perpaduan dan identiti budaya bangsa.

UCAPAN PENGHARGAAN

11. Dalam keriangan menyambut Aidilfitri, kita juga amat menghargai dan tidak melupakan pengorbanan yang dilakukan oleh pelbagai pihak khususnya membolehkan Aidilfitri disambut dalam suasana aman, tenteram, riang dan meriah, meski dalam keadaan sederhana. Ketika majoriti warga bercuti meraikan hari raya, terdapat kalangan rakyat yang sentiasa komited melaksanakan pelbagai tugas penting dan perlu mengendalikan perkhidmatan 24 jam sehari. Semoga pengorbanan mereka ini diterima Allah SWT sebagai amal soleh yang sangat bernilai di sisi-Nya.

PENUTUP

12. Mengakhiri perutusan khas Aidilfitri ini, saya sekali lagi ingin menyeru marilah kita bersama-sama menerima perbezaan dan menghormati kepelbagaian. Pada kesempatan ini juga saya dan

ahli keluarga ingin mengucapkan Selamat Hari Raya Aidilfitri,
mohon maaf zahir dan batin.

Sekian.

Allahu Akbar, Allahu Akbar, Allahu Akbar, Walilla Hilhamd.